

► *Kejohanan Sukan Mahasiswa Borneo Ke-3 2014*

Catur UMSKAL raih satu emas

LABUAN: Kontinjen Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) membawa pulang satu pingat emas dan satu perak di Kejohanan Sukan Mahasiswa Borneo Ke-5 (Sukmab) 2014 di Kota Kinabalu pada 19 - 22 Ogos lalu.

Pingat emas itu diraih pemain catur lelaki, Jeppy

Tawelu Asan Kese manakala perak dimenangi pasukan bola tampar pantai wanita yang diwakili Denise Mary William Sibunkil dan Jacklinda N. Jinuis.

Kontinjen UMSKAL yang diketuai Timbalan Pengarah, Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal menyertai empat acara sukan iaitu futsal (lelaki/wanita), bola tampar pantai

(lelaki/wanita), petanque dan catur.

Pengurus pasukan UMSKAL Gabriel Moinjil berkata, kontinjen itu diwakili 26 peserta bersama enam pegawai dengan slogan UMSKAL: *Inda Majal Inda Lurih* (Tiada Usaha Tiada Hasil).

Kontinjen UiTM Sarawak muncul juara keseluruhan, naib johan Universitas Tan-

jung Pura Indonesia (UNTAN) dan tuan rumah, UMS Kota Kinabalu menduduki tempat ketiga.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah di Dewan Canselor UMS, Kota Kina-

balu.

Sementara itu, Geoffrey yang mewakili Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Murnizam Haji Halik mengucapkan tahniah kepada atlet yang berjaya membawa pulang pingat emas dan perak sekaligus mengharumkan

nama universiti.

Beliau berharap atlet UMSKAL akan terus berlatih bagi menyaingi atlet lain di kejohanan lain sama ada di peringkat Labuan, negeri, kebangsaan mahupun antarabangsa pada masa akan datang.



JEPPY pemenang pingat emas acara catur bersama pemenang pingat perak dan gangsa.



DR Geoffrey (baju merah kiri) dan **Gabriel** bersama atlet kontinjen UMSKAL yang meraih satu emas dan satu perak.



ATLET yang menyertai Kejohanan Sukan Mahasiswa Borneo 2014.



PEMAIN bola tampar pantai wanita UMSKAL memenangi pingat perak.